

27 MAR 1997

Malaysia-Singapura

DR MAHATHIR YAKIN HUBUNGAN MALAYSIA-SINGAPURA PULIH

KUALA LUMPUR, 27 Mac (Bernama) -- Dalam kekecohan ekoran kenyataan Lee Kuan Yew yang menghina Johor, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau yakin kedua-dua negara mampu memulihkan hubungan seperti biasa.

Perdana Menteri berkata beliau tidak menganggap keputusan Kabinet semalam untuk membekukan urusan dua hala baru dengan Singapura sebagai satu masalah besar.

"Memanglah antara jiran akan ada perbezaan sekali sekala tetapi kita telahpun menyatakan bahawa lambat laun perasaan (tersinggung) ini akan dapat diatasi," katanya pada persidangan akhbar di Kelab Akhbar Kebangsaan Jepun di Tokyo.

Dr Mahathir berkata hubungan Malaysia dengan Singapura akan pulih seperti biasa setelah perasaan tersinggung dan marah rakyat Malaysia reda berhubung satu kenyataan tidak wajar terhadap Malaysia.

Mengenai keputusan itu yang dibuat pada mesyuarat Kabinet yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim, beliau berkata rakan-rakan kabinetnya tentunya mempunyai alasan yang kukuh untuk membuat keputusan itu.

'Saya perlu mendapatkan penjelasan daripada mereka sebelum saya dapat mengulas lanjut," katanya.

Dr Mahathir berada di Jepun untuk lawatan rasmi empat hari. Beliau diiringi Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz dan Menteri Besar Johor Datuk Abdul Ghani Othman.

Hubungan dua hala Malaysia-Singapura dingin sejak dua minggu lepas. Rakyat Malaysia marah apabila Lee menyifatkan Johor sebagai negeri yang banyak jenayah, terkenal dengan "tembak menembak, menyamun dan merampas kereta".

Sejak itu Lee telah dua kali meminta maaf tetapi kenyataan oleh beberapa pemimpin Singapura termasuk Perdana Menteri Goh Chok Tong dan Menteri Luar S. Jayakumar mengenai isu itu nampaknya tidak disenangi oleh kerajaan Malaysia.

Di Singapura, Goh berkata beliau memerlukan masa untuk memahami reaksi terbaru Kabinet Malaysia sebelum memberikan ulasan lanjut.

Pemangku Menteri Luar Datuk Abang Abu Bakar Mustapha menjelaskan bahawa mesyuarat Kabinet semalam tidak membuat keputusan membekukan hubungan dengan Singapura.

Beliau berkata kerajaan sedang mengkaji implikasi episod itu terhadap hubungan dua hala.

Beberapa menteri kabinet turut mengulas isu itu hari ini.

Menteri Pendidikan Datuk Seri Najib Tun Razak berkata Malaysia perlu menyatakan kepada Singapura bahawa ia begitu tersinggung dengan episod ini.

"Kita perlukan masa untuk memaaf dan melupakannya. Kita harus biarkan masa menentukannya, itu yang sebaiknya," kata beliau sambil menjelaskan bahawa Kabinet tidak menetapkan tempoh tertentu bagi memulihkan hubungan dua hala itu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Sabbaruddin Chik pula berkata Malaysia tidak memusuhi rakyat Singapura, cuma yang tidak disenangi ialah sikap para pemimpin republik itu.

"Saya fikir hubungan dan persahabatan kita dengan rakyat Singapura baik. Kita cuma tak suka sikap pemimpinnya, orang Singapura tak ada hal,"

katanya kepada pemberita ketika ditanya sama ada keputusan kabinet itu akan menjejaskan kedatangan pelancong Singapura ke Malaysia.

Tindak tanduk para pemimpin Singapura tidak langsung mempamerkan kejujuran, kata beliau merujuk kepada kenyataan Jayakumar yang hairan dengan kabinet Malaysia bahawa walaupun ia menerima permohonan maaf Lee, kerajaan Malaysia berpendapat usaha memulihkan hubungan akan memakan masa kerana rakyat Malaysia telah tersinggung.

Jyakumar berkata kenyataan Lee dibuat berdasarkan sifat peribadinya dan bukan bagi pihak kerajaan Singapura.

Kenyataan Lee mengenai Johor terkandung dalam satu affidavit beliau bersama anaknya Hsien Loong, yang juga Timbalan Perdana Menteri Singapura, ketika menyaman seorang anggota pembangkang di republik itu, Tang Liang Hong.

Tang lari ke Johor selepas tewas dalam pilihan raya umum Singapura dan mendakwa nyawanya diancam. Dalam affidavit itu, Lee mempersoalkan kenapa Tang memilih Johor yang terkenal dengan "tembak-menembak, menyamun dan merampas kereta". -- BERNAMA

TM MAI